

MYTVET@PTSB

OKTOBER - DISEMBER 2023 | EDISI KEDUA 2023



KONVOKESYEN PTSB KALI KE-17

22,164 graduan PTSB sejak dua dekad penubuhan (2003-2023)

PELABUHAN TUKUN TIRUAN ARCED DI PULAU SONGSONG

Maklum balas positif dari NAHRIM

LAWATAN PENA KE PTSB

Ke arah PEMERKASAAN
PENGURUSAN pengajaran dan
pembelajaran yang berkualiti

EDITOR SANDANG

PENAUNG

Hj. Mohd Ruzi bin Hamzah
Pengarah PTSB

PENASIHAT

Mohd Zamre bin Ab Rahman
Timbalan Pengarah Akademik
PTSB

KETUA EDITOR

Faridah binti Hj Ismail

PEN KETUA EDITOR

Masniza binti Musa

SETIAUSAHA

Myzatul binti Mansor

PEN SETIAUSAHA

Maziah binti Omar

PEREKA GRAFIK DAN SUSUN**ATUR**

Fazaliana binti Zamzuri

EDITOR

Noor Azilla binti Md Radzi
Noor Azma binti Abu Bakar
Zuraini binti Ibrahim
Suria binti Masnin

FOTOGRAFI

Koleksi daripada PPDM dan pensyarah PTSB

SENARAI PENULIS DAN PENYUMBANG

1. Hasmahani Hamzah - JKA
2. Liza Suhana Ramli - JKA
3. Nur Malihah Marzuan - JKE
4. Siti Arfah Abdul Jalil - JKM
5. Nor Farahain Dzulkaffli - JP
6. Noraihan Mamat Zambi - JP
7. Mahdzir Jamiaan - JKE
8. Noraini Sulaiman - JPA
9. Nasreen Rusli - JKE
10. Norshahidah Manaf - JKM
11. Saleha Awang Kechik - Uppsi
12. Amalina Syazwani Md Suhaimi - PRO
13. Sharipah Daud - JKE
14. Asiah Ariffin - JKA
15. Wan Sabaraiah Wan Ismail - JKE
16. Nor Afifah Muhamad Ramzi - JKM

Diterbitkan oleh:

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Kulim Hi-Tech Park

09090 Kulim

Kedah Darul Aman

Website: <http://www.ptsb.polycc.edu.my>

No. Tel: 04-4033333

No. Faks: 04-4033033

Buletin ini diterbitkan secara sukuan (4 kali setahun)

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan

01

OKTOBER 2023

1 - 14

- MAJLIS KONVOKESYEN PTSB KALI KE-17
- LAWATAN PENAZIRAN AKADEMIK (PENA) TAHUN 2023 KE PTSB
- BENGKEL PENULISAN E FOLIO PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN
- PERTANDINGAN ROBOT SOCCER 2 VS 2 SEMPENA PAMERAN PROJEK AKHIR PELAJAR (INNOCOM 2023)
- LAWATAN KE INTERNATIONAL GREENTECH AND ECO PRODUCT EXHIBITION MALAYSIA 2023
- URBAN SURVIVOR
- AUDIT PEMANTAUAN ISO 9001:2015
- INDUKSI DAN EKSPLORASI DIRI PTSB 2023
- FUTURE TVET CAREER
- LAWATAN PANEL PENILAI LUAR (EE) AKREDITASI ETAC BAGI PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN DI PTSB

02

NOVEMBER 2023

15 - 21

- PROGRAM MELABUHKAN TUKUN TIRUAN ARCED DI PULAU SONGSONG, YAN
- BENGKEL TERAPI AIR KUMPULAN SOKONGAN 2023
- PROGRAM PERKONGSIAN ILMU IR4.0 BERSAMA SMK AIR MERAH, KULIM
- MECHANICAL ENGINEERING DEPARTMENT FINAL YEAR EXHIBITION AND COMPETITION (MEDFEC) SESI 1 2023/2024
- MAJLIS APRESIASI PELAJAR SEMESTER AKHIR SESI I : 2023/2024
- PROJEK BAKTI SISWA DAN ANAK ANGKAT JP PTSB

03

DISEMBER 2023

22 - 23

- LAWATAN PEMANTAPAN KOLABORASI PTSB BERSAMA G2R SDN. BHD
- CSR JPA ENGLISH FUN @ PTSB



MAJLIS KONVOKESYEN PTSB KALI KE -17

Oleh : AMALINA SHAZWANI MD SUHAIMI

01 - 02 Oktober 2023 - Seramai 1,178 graduan diraikan sempena Majlis Konvokesyen kali ke-17 Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) yang diadakan pada 1 dan 2 Oktober 2023 dan merangkumi empat sidang. Daripada jumlah tersebut, seramai 360 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 201 graduan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, 265 graduan Jabatan Kejuruteraan Awam dan 352 graduan Jabatan Perdagangan.

Pengarah PTSB, Mohd Ruzi Hamzah berkata bagi tahun ini PTSB berjaya mencatat 94.7 peratus kebolehpasaran graduan. 75.1% mendapat pekerjaan mewakili 792 graduan, manakala seramai 196 graduan lagi memilih untuk melanjutkan pengajian dengan peratusan mencapai 18.6%.

“Sejak dua dekad penubuhan PTSB yang bermula pada tahun 2003 hingga 2023 menjadikan jumlah keseluruhan graduan TVET yang dihasilkan telah mencecah 22,164 orang”



Selaras dengan dua dekad penubuhan PTSB tema yang diangkat bagi Konvokesyen ke-17 ini adalah “Dua Dekad PTSB Perkasa TVET”. Sejak dua dekad penubuhan PTSB yang bermula pada tahun 2003 hingga 2023 menjadikan jumlah keseluruhan graduan TVET yang dihasilkan telah mencapai 22,164 orang.

Empat orang tetamu kehormat hadir menyempurnakan penganugerahan diploma bagi setiap sidang. Sidang pertama dihadiri oleh En. Muhammad Aniz bin Mohd Azmi, mewakili Pengarah Urusan AT & S Austria Technologie & Systemtechnik (Malaysia) Sdn. Bhd. Sidang kedua dihadiri oleh En. Choo Yan Tiee, Ketua Pegawai Eksekutif Auto Count Dotcom Bhd. Sidang ketiga pula dihadiri oleh En. Mohamad Haris Kader Sultan, Ketua Eksekutif Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) manakala Dato' Hj. Mohd Sahil bin Zabidi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. hadir bagi sidang keempat.

Syabas dan tahniah, kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dan layak dianugerahi diploma dalam bidang masing-masing.



LAWATAN PENAZIRAN AKADEMIK (PENA) TAHUN 2023 KE PTSB



Oleh : NORAIHAN MAMAT ZAMBI

4 & 5 Oktober 2023 – Penaziran Akademik (PeNA) merupakan satu aktiviti pemantauan terhadap pengurusan akademik untuk membantu dan memberi khidmat nasihat kepada institusi dalam meningkatkan kualiti pelaksanaan program pengajian agar lebih praktikal dan sistematik. Lawatan PeNA ke PTSB telah dilaksanakan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) pada 4 dan 5 Oktober 2023. Sesi lawatan PeNA melibatkan semakan dokumen program pengajian, temubual dan lawatan fasiliti akademik. Proses pemantauan dijalankan bagi memastikan segala polisi, dasar, garis panduan, surat arahan dan surat pekeliling yang telah ditetapkan dan terkini, dipatuhi dan dirujuk. Pemantauan pengurusan akademik melibatkan 4 skop utama; kurikulum, Instruksional & Pembelajaran Digital, Peperiksaan & Penilaian dan Jaminan Kualiti.



Sesi lawatan dimulakan dengan Mesyuarat Pembukaan bagi memberikan taklimat ringkas PeNA serta sesi memperkenalkan Panel oleh Penolong Pengarah Kanan Unit Naziran, BIPD En. Mohd Azhar bin Ahmad selaku urusetia bagi sesi lawatan pada kali ini. Lawatan ini diketuai oleh Pn. Tuan Rakiza binti Tuan Mahmud bersama-sama dengan 4 orang Panel PeNA yang lain mengikut skop kepakaran masing-masing. Seterusnya sesi PeNA diteruskan dengan semakan dokumen dan sesi temubual bersama Ketua Jabatan, Ketua Program dan pensyarah yang berkaitan. Pada hari ke dua lawatan, Panel Pena mengadakan lawatan fasiliti akademik ke makmal dan bengkel di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA).

Hasil dapatan dari lawatan ini, iaitu deraf Laporan Panel PeNA telah dibentangkan di Mesyuarat Penutup untuk makluman awal pihak PTSB. Terdapat beberapa cadangan bagi menambahbaik sistem pengurusan akademik di PTSB. Sehubungan itu, pihak PTSB telah memberi maklumbalas laporan ke atas penambahbaikan yang telah dilakukan secara keseluruhan kepada Pegawai Naziran di BIPD.



“Pihak PTSB telah memberi maklumbalas laporan ke atas penambahbaikan yang telah dilakukan secara keseluruhan kepada Pegawai Naziran di BIPD.”



Melalui lawatan PeNA ini, staf akademik di PTSB telah memperoleh banyak ilmu baharu berkaitan pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berlandaskan Outcome-Based Education (OBE), pelaksanaan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) terhadap pengurusan akademik di PTSB dan juga dapat mengenalpasti beberapa isu akademik yang memerlukan perhatian tertentu oleh pihak yang berkenaan. Secara keseluruhannya, lawatan PeNA wajar dilihat sebagai satu input penambahbaikan dalam sistem penyampaian pendidikan khususnya dalam memastikan aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat berjalan dengan lebih lancar dan sempurna.



BENGKEL PENULISAN E FOLIO PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Oleh : NORAINI SULAIMAN

05 Oktober 2023 - Bengkel ini dirancang berdasarkan CQI pencapaian pada semester yang lepas, dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi pelajar yang mengambil kursus MPU21032 Penghayatan Etika & Peradaban. Pelajar yang mengambil kursus ini akan menyiapkan satu tugas E-Folio, sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam sukatan kursus. Melalui bengkel ini pelajar akan didedahkan dengan panduan, teknik dan tips bagi menghasilkan E-Folio yang terbaik dan memenuhi kehendak rubrik penilaian. Bengkel ini diharap dapat membantu para pelajar dalam menghasilkan E-Folio yang terbaik dan berkualiti. Seterusnya dapat meningkatkan peratus kelulusan dalam kursus MPU21032.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya membuka minda pelajar untuk mencari pelbagai idea dalam menghasilkan E-Folio yang lebih kreatif dan menarik. Diharapkan dengan perkongsian ini, gred kursus bagi kursus MPU21032 akan meningkat lebih baik berbanding semester lepas. Namun apa yang lebih penting ialah manfaat dari ilmu yang diperolehi akan digunakan oleh pelajar apabila diperlukan kelak.



PERTANDINGAN ROBOT SOCCER 2 VS 2 SEMPENA PAMERAN PROJEK AKHIR PELAJAR (INNOCOM 2023)

Oleh: MAHDZIR JAMIAAN

6 OKTOBER 2023- Kebanggaan JKE dan PTSB! Tiada ucapan atau kata-kata yang boleh digambarkan apabila dua pasukan robotik JKE PTSB mengharumkan nama politeknik apabila mendapat tempat ke-2 dan ke-3 dalam pertandingan Robot Soccer 2 vs 2. Pertandingan yang dianjurkan oleh Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) pada 5 Disember 2023 yang lalu disertai sebanyak 16 pasukan peringkat institusi dan sekolah.

4 orang pelajar JKE yang mewakili pasukan terdiri daripada Muhammad Amir Imran Bin Mokhtar (DTK5), Aliah Suhaila Binti Hamzan (DEE5), Amirul Raziq Bin Mohd Mazlan (DTK5) dan Ayunie Binti Azhar (DEE3) merupakan ahli pasukan FIRA PTSB dengan diiringi oleh En. Mahdzir bin Jamiaan.

Adalah diharapkan dengan adanya pendedahan ke pertandingan seperti ini akan dapat membentuk sahsiah, jati diri dan keyakinan para pelajar. Syabas dan tahniah!

“Kejayaan ini merupakan satu kejutan kerana persediaan yang sangat singkat iaitu 2 hari sebelum pertandingan berlangsung”



LAWATAN KE INTERNATIONAL GREENTECH AND ECO PRODUCT EXHIBITION MALAYSIA 2023

Oleh: HASMAHANI HAMZAH

6 OKTOBER 2023 – Seramai 22 pelajar dan 3 pensyarah telah menyertai Lawatan Akademik ke KLCC sempena program International Greentech And Eco Product Exhibition Malaysia 2023 (IGEM) pada 6 Oktober lalu. IGEM 2023 merupakan program pameran dan persidangan perdagangan terbesar di Asia Tenggara yang memfokuskan teknologi hijau dan penyelesaian eko (Eco-solutions). Program yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dengan kerjasama Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) melibatkan 400 booth pameran daripada pelbagai negara. Pelajar turut didedahkan dengan pelbagai pengetahuan baharu terutama dari segi inovasi pembaharuan tenaga seperti solar, biogas, teknologi jana tenaga rendah karbon, konsep green-building, green-transportation, green-waste, green-manufacturing dan pengurusan air yang efisyen. Pelajar juga turut teruja melihat pelbagai prototaip inovasi pengangkutan hybrid dan juga inovasi pertanian yang turut dipamerkan. Pelajar juga diberi peluang untuk bertanya dan berkongsi idea melalui interaksi bersama pihak industri. Melalui program ini, pelajar dapat melihat sendiri kepesatan perubahan teknologi dan pembangunan inovasi yang memberi penekanan kepada penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Diharapkan ia menjadi panduan dan pengalaman berguna kepada semua pelajar yang terlibat.



URBAN SURVIVOR

Oleh: SALEHA AWANG KECHIK

7 Oktober 2023 – Pembimbing Rakan Siswa (PRS), Unit Pengurusan Psikologi Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah telah menjalankan Program Urban Survivor pada 7 Oktober 2023. Program dimulakan dengan aktiviti Senamrobik yang dikendalikan oleh Rabiatul Adawiyah binti Saripuddin dan Nurul Aliya Maisara binti Norsham dengan penglibatan yang baik, bersemangat serta aktif oleh semua peserta program. Program disusuli dengan Aktiviti TV Rosak yang dijalankan mengikut kumpulan yang telah dibahagikan semasa pendaftaran mengikut tema buah-buahan.

Seterusnya Encik Norman Hakim bin Ahmad telah menyampaikan taklimat berkaitan keseluruhan perjalanan program serta lima tugas yang perlu diselesaikan oleh peserta secara berkumpulan dan diwakili oleh dua orang fasilitator bagi setiap kumpulan. Perjalanan pergi dan pulang ke Bandar Baru Perda adalah lancar. Sesi pembentangan setiap kumpulan berjalan lancar iaitu berkaitan penglibatan kumpulan masing-masing sepanjang aktiviti di Bandar Perda. Kutipan kewangan keseluruhan kumpulan adalah di luar jangkaan di mana setiap kumpulan dapat mengumpulkan sejumlah wang yang banyak berbanding tempoh tugas yang hanya beberapa jam sahaja. Sebahagian kumpulan berjaya menyelesaikan semua lima tugas dan terdapat juga kumpulan yang tidak dapat menyempurnakan kelima-lima tugas iaitu khilaf dalam tugas “5 bahan dengan harga RM1”.

Rumusan program telah disampaikan oleh semua fasilitator dan urusetia program mengikut perspektif masing-masing. Para peserta telah menunjukkan kefahaman yang baik berdasarkan pembentangan dan maklumbalas mereka.



AUDIT PEMANTAUAN ISO 9001:2015



Oleh: **NASREEN RUSLI**

24 Oktober 2023 - Audit pemantauan ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah diadakan pada 23 Oktober 2023 hingga 24 Oktober 2023 yang melibatkan seluruh Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). Audit pemantauan ini telah diketuai oleh Pn Nur Hana Roshida Binti Hairudin dan dibantu oleh Pn Nursheirie Sheiriena Binti Mohammad Za'im.

Tiada penemuan ketakakuran Non-Conformance Report (NCR) yang ditemui, walau bagaimana pun terdapat beberapa cadangan peluang penambahbaikan Opportunity for Improvement (OFI) dari juruaudit bagi memastikan sistem pengurusan kualiti di PTSB lebih efisien dan berkesan.

Dr Hj Samsul bin Abd Rashid, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PTSB telah mempengerusikan mesyuarat penutup sesi audit tersebut dan menyambut baik hasil penemuan audit serta cadangan penambahbaikan dari juruaudit.

Terima kasih dan tahniah sekali lagi diucapkan di atas komitmen dan kerjasama dari semua pihak pengurusan dan warga PTSB dalam menjayakan audit pada kali ini.



INDUKSI DAN EKSPLORASI DIRI PTSB 2023

Oleh: SALEHA AWANG KECHIK

26 - 28 Oktober 2023 – Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Unit Pengurusan Psikologi Politeknik Tuanku Sultanah Bainah telah melaksanakan program “Induksi dan Eksplorasi Diri PTSB 2023” pada 26 hingga 28 Oktober 2023. Program dimulakan pada malam 26 Oktober 2023 dengan lima aktiviti Ice Breaking yang telah disediakan oleh fasilitator. Setelah selesai slot Ice Breaking tersebut, peserta dibahagikan kepada 8 kumpulan yang dikendalikan oleh Nur Yusra Batrisyia Binti Yahya yang kemudiannya diberikan barang Amanah oleh fasilitator.

Pada 27 Oktober 2023 program dimulakan dengan slot “energizer” yang dikendalikan oleh fasilitator-fasilitator bagi menaikkan semangat peserta di awal pagi. Program ini dijalankan sehingga jam 12 tengahari dengan pengisian dua (2) Latihan Dalam Kumpulan(LDK) manakala slot petang diisi dengan 2 LDK serta permainan yang dimainkan di luar dewan yang melibatkan penggunaan tepung. Slot pada malam kedua yang bermula jam 8 malam telah dimuatkan dengan 3 LDK yang menyeronokkan peserta serta para fasilitator. Slot ini diakhiri dengan sesi taklimat oleh pengarah program berkaitan program berikutnya iaitu lawatan ke Bukit Bendera.

Pada hari kedua program peserta diminta berkumpul di hadapan Pusat Islam pada jam 8 pagi dan diberikan taklimat oleh pengarah program sebelum menaiki bas ke Bukit Bendera pada jam 9 pagi. Sejurus tiba di Bukit Bendera, para peserta diberikan sekali lagi taklimat akhir oleh pengarah program dan disusuli dengan bacaan doa. Selepas itu, peserta dilepaskan untuk meneruskan aktiviti mendaki bukit sambil di kawal selia oleh fasilitator kumpulan masing-masing. Setelah selesai mendaki, aktiviti explore race dikendalikan oleh pihak fasilitator sehingga jam 5.30 petang. Program diakhiri dengan acara penyampaian hadiah dan jamuan makan. Kesemua urusetia dan peserta program selamat tiba di politeknik pada jam 10.30 malam.



Dapatan penilaian program menunjukkan bagi elemen pengisian program, penyampaian yang baik dan berkesan, fasilitator yang berkebolehan, lokasi yang kondusif serta pelaksanaan dan kelancaran aktiviti menerima undian lebih 80% peserta dengan memilih skala 4 dan 5. Akhir sekali 98.4% peserta memilih skala 5 dan 4 bagi elemen “pada keseluruhannya program ini adalah berjaya.”





FUTURE TVET CAREER

Oleh: SHARIPAH DAUD

29 Oktober 2023 - Program "FUTURE TVET CAREER" ini dilaksanakan khusus untuk pelajar-pelajar tahun pertama (semester 1 dan 2) Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). Program ini diadakan bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar-pelajar baru PTSB tentang peluang kerjaya mereka apabila tamat belajar kelak.

Panel jemputan yang terlibat merupakan ikon berjaya yang pernah mengambil jurusan Technical and Vocational Education and Training (TVET) dan beliau adalah Pengarah Urusan di Knowles (M) Sdn. Bhd. iaitu Tuan Haji Ruzaini bin Zainal. Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam industri dan memegang jawatan tertinggi di syarikat tersebut. Seorang lagi panel jemputan adalah En. Syahid bin Murtuzah Sheikh yang merupakan *Principle Engineer* dari Fuji (Elektric) Sdn. Bhd.

Objektif program ini adalah untuk memberi motivasi kepada pelajar-pelajar baharu agar lebih bersemangat dan berkeyakinan dengan pilihan mereka apabila memilih politeknik sebagai institusi pengajian tinggi mereka. Panel-panel jemputan berkongsi pengalaman tentang peluang dan kelebihan pelajar-pelajar yang mengambil jurusan TVET termasuklah peluang Latihan Industri (LI) dan peluang untuk terus mendapat pekerjaan di syarikat tersebut.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya dan dapat memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang peluang kerjaya yang terbuka luas untuk pelajar jurusan kejuruteraan. Semoga dengan perkongsian dari insan-insan yang berjaya dan berpengalaman luas ini, pelajar-pelajar akan lebih bermotivasi untuk belajar dengan bersungguh-sungguh dan mencapai kejayaan yang cemerlang. Hasil dari program yang dijalankan ini diharapkan dapat membantu pelajar untuk meningkatkan pengetahuan dan membuka minda mereka bahawa pilihan mereka adalah tepat.

LAWATAN PANEL PENILAI LUAR (EE) AKREDITASI ETAC BAGI PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN DI PTSB



Oleh: ASIAH ARIFFIN, WAN SABARIAH WAN ISMAIL & NOR AFIFAH MUHAMAD RAMZI

Oktober 2023 – Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah telah melaksanakan Lawatan Penilaian Program oleh Panel Luar bagi Program Diploma Kejuruteraan. Program lawatan penilaian ini melibatkan 7 program Diploma Kejuruteraan yang berlangsung sepanjang Oktober 2023. Butiran lawatan adalah seperti berikut :



- | | |
|--|-----------------|
| 1. DKM - Dr. Muhammad Najib Bin Abdul Hamid (UNIKL) | 08 Oktober 2023 |
| 2. DTP - Ts. Dr. Abdul Rahman Bin Hemdi (UiTM) | 08 Oktober 2023 |
| 3. DTK - Prof. Ir. Dr. Rizalafandi Bin Che Ismail (UNIMAP) | 15 Oktober 2023 |
| 4. DEP - Professor Azremi Abdullah Al-Hadi (UNIMAP) | 15 Oktober 2023 |
| 5. DET - Assoc. Prof. Ir. Dr. Mohamad Kamarol Mohd Jamil (USM) | 16 Oktober 2023 |
| 6. DEM - Ts. Dr. Mahamad Hisyam Bin Mahamad Basri (UiTM) | 29 Oktober 2023 |
| 7. DKA - Ir. Dr. Mohd Zulham Affandi Bin Mohd Zahid (UNIMAP) | 26 Oktober 2023 |

Program lawatan penilaian ini bertujuan untuk melaksanakan proses audit yang dikendalikan oleh Panel Penilai Luar melalui kaedah pengauditan yang selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan. Selain itu, Laporan Panel Penilai Luar merupakan keperluan bagi kriteria 7 di dalam Self-Assessment Report (SAR) bagi setiap program selaras dengan kehendak Board of Engineers Malaysia (BEM) serta Engineering Technician Education Programme Accreditation Standard 2020 (ETAC Standard 2020). Proses lawatan penilaian ini juga secara tidak langsung dapat memantapkan proses dokumentasi dan pengumpulan bukti sokongan serta kemudahan infrastruktur gunasama yang terdapat di jabatan-jabatan dan di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

Proses lawatan penilaian ini juga secara tidak langsung dapat mempersiapkan staf dan pelajar PTSB bagi menghadapi Akreditasi ETAC sebenar yang akan diaudit oleh panel BEM.

Impak daripada program ini diharapkan dapat memberi input dan cadangan untuk membuat penambahbaikan kualiti program yang ditawarkan. Laporan dan maklum balas daripada panel luar akan digunakan untuk peningkatan kualiti berterusan di samping dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran seluruh warga PTSB ke arah menambah baik kualiti program akademik.





PROGRAM MELABUHKAN TUKUN TIRUAN ARCED DI PULAU SONGSONG, YAN

Oleh: LIZA SUHANA RAMLI



**“Rekabentuknya yang kecil
seberat 30 kg menjadikan
tukun ini mudah diuruskan
dan dilabuhkan”**

10 November 2023 – Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) melalui kumpulan penyelidik projek *Artificial Reef Civil Engineering Department* (ARCED) telah berjaya menzahirkan tanggungjawab bersama dalam pemeliharaan ekosistem marin melalui program melabuhkan tukun tiruan di Pulau Songsong, Yan Kedah. Program ini melibatkan sekumpulan pelajar serta pensyarah telah menghasilkan 20 buah tukun tiruan daripada bahan konkrit dan tetulang.

Menurut Puan Naziah Mohd Isa selaku ketua penyelidik, projek ARCED ini telah mendapat maklum balas yang sangat positif daripada pihak National Water Research Institute of Malaysia (NAHRIM) dan Persatuan Nelayan Kuala Sungai Udang. Projek membangunkan tukun tiruan ARCED telah bermula sejak bulan Mei 2022 lagi. Selepas melalui sesi pembentangan bersama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang telah dijalankan pada bulan Julai 2023 yang lalu, maka projek ARCED Versi 2 telah dihasilkan.

“Hasil ujian ketahanan tukun yang dijalankan di NAHRIM menunjukkan bahawa ARCED dapat menahan arus halaju purata sehingga 0.77 m/s, jauh lebih tinggi berbanding halaju arus di Pulau Songsong iaitu sekitar 0.21 m/s sahaja. Rekabentuknya yang kecil seberat 30kg menjadikan tukun ini mudah diuruskan dan dilabuhkan, Walaubagaimanapun ia tetap kukuh untuk berada di dasar laut kerana terdapat tulang di bahagian dalam menjadikannya cukup kuat melawan ombak.” katanya.

Kewujudan ARKED ini dapat membantu menggalakkan pertumbuhan terumbu karang di perairan laut cetek dalam tempoh 6 bulan hingga setahun. Tukun ARKED yang dilabuhkan lebih awal telah berjaya menjadi tempat pembiakan ikan-ikan kecil dan menyumbang kepada pertambahan hasil tangkapan ikan bagi nelayan-nelayan pesisir pantai.

Peletakan tukun ini telah dijayakan oleh seramai 20 orang pelajar PTSB serta pensyarah penyelidik yang terlibat. Turut sama hadir adalah Encik Sukri bin Deris, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Kedah, Dr. Riam Chau Mai, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi JPPKK dan Haji Mohd Ruzi bin Hamzah, Pengarah PTSB.



BENGKEL TERAPI AIR KUMPULAN SOKONGAN 2023

Oleh: SALEHA AWANG KECHIK

16 November 2023 – Bengkel Terapi Air Kumpulan Sokongan 2023 merupakan kursus Latihan Kecerdasan Emosi yang melibatkan 15 orang jawatankuasa AKRAB sebagai urusetia serta 28 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan wanita kumpulan sokongan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Kursus ini adalah anjuran Unit Pengurusan Psikologi (UPPSi) bersama jawatankuasa AKRAB PTSB. Program ini memfokuskan pemahaman terhadap faktor kecerdasan emosi individu serta aplikasi kemahiran tersebut dalam persekitaran kerja dan kehidupan individu.



Ini kerana individu dengan kecerdasan minda dan emosi yang tinggi akan lebih tegar dalam menghadapi sebarang cabaran serta dapat memberi perkhidmatan yang terbaik di tempat kerja. Aktiviti di Bukit Merah Laketown Resort dimulai dengan LDK ‘bom nombor’ bertujuan pembahagian peserta kepada tiga kumpulan. Seterusnya lima aktiviti sukaneka dijalankan oleh fasilitator sehingga tengah hari. Aktiviti bebas kepada peserta sebelum bertolak pulang ke PTSB pada jam 4 petang.

Secara keseluruhannya, peserta menyatakan program ini dapat memberi impak yang positif dan dapat meredakan tekanan kerja di pejabat melalui aktiviti luar pejabat. Para peserta mengharapkan agar program seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang memandangkan kumpulan sokongan jarang mendapat peluang berkursus di luar PTSB.





PROGRAM PERKONGSIAN ILMU IR4.0 BERSAMA SMK AIR MERAH, KULIM

Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL

21 November 2023 - Satu program sekolah angkat anjuran Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dengan kerjasama pusat teknologi (MRTC), Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) telah dilaksanakan dengan jayanya. Aktiviti menarik melibatkan aktiviti perkongsian ilmu dan teknologi dalam memperkasakan bidang TVET. Program ini dimulakan dengan majlis perasmian oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal , PTSB iaitu En Azhar Bin Fikri di dalam majlis perhimpunan sekolah SMK Air Merah.

Seramai 34 orang pensyarah dan 30 orang siswa Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PTSB sebagai fasilitator dan turut serta pegawai pengambilan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PTSB.



Manakala seramai 153 orang pelajar sekolah menengah SMK Air Merah, Kulim Kedah terlibat sebagai peserta dalam aktiviti yang dijalankan.

Terdapat aktiviti serta perkongsian menarik yang telah dilaksanakan, antaranya pemasangan Line Follower Robot, Obstacle Robot With Arduino, pemasangan kabel elektrik (extention).

Pihak PTSB turut membuka booth pameran promosi kenali Politeknik Malaysia termasuk pameran peralatan dan projek siswa PTSB kepada semua warga SMK Air Merah. Program ini telah mendapat sokongan yang amat baik daripada pentadbiran dan pengurusan SMK Air Merah yang dipimpin oleh Tuan Pengetua Mazelan Shaari.

Program yang berjalan dengan jayanya ini selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dalam usaha melahirkan lebih ramai pelajar SMK Air Merah yang mempunyai minat terhadap STEM dan diharap dapat melahirkan generasi pakar dalam bidang teknologi, sekaligus memperkenalkan proses pembelajaran yang ada di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.



MECHANICAL ENGINEERING DEPARTMENT FINAL YEAR EXHIBITION AND COMPETITION (MEDFEC) SESI 1 2023/2024

Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL

22 November 2023 - Program *Mechanical Engineering Department Final Year Project Exhibition & Competition (MEDFEC) Sesi 1 2023/2024* merupakan acara yang diadakan setiap hujung semester di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal sebagai langkah menilai kerja akhir Projek Pelajar Semester 2 bagi kod kursus DJJ50193 (Projek 2).



Setiap kumpulan diperuntukkan selama 30 minit hingga 1 jam untuk membentangkan projek masing-masing. Terdapat beberapa item yang perlu disediakan oleh pelajar bagi menghadapi pembentangan dalam program ini seperti poster, link video pembentangan, slaid pembentangan, laporan pelajar dan video projek pelajar.

Dari saringan MEDFEC ini, kumpulan yang mendapat markah baik akan bertanding di ICCE V14 2023 di antara jabatan-jabatan di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Pembentangan dijalankan pada waktu projek pelajar sendiri dan tidak mengganggu jadual waktu kelas mereka yang lain.

MAJLIS APRESIASI PELAJAR SEMESTER AKHIR SESI I : 2023/2024

Oleh: SITI ARFAH ABD JALIL

30 November 2023 – Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah mengadakan Majlis Apresiasi bagi pelajar semester akhir sesi 1 2023/2024. Majlis yang bermakna ini telah diadakan di Dewan Muadzam Shah, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Majlis ini bertemakan “English Style” dan telah dihadiri oleh 192 orang pelajar dan 43 orang staf.

Majlis ini telah dimulakan dengan bacaan doa oleh Muhammad Luqman Hakim Bin Mohd Rizal . Selepas bacaan doa, Ketua bagi setiap program dan juga Ketua Jabatan menyampaikan ucapan. Seterusnya, persembahan khas dari penasihat akademik bagi setiap program dan juga persembahan dari para pelajar serta acara cabutan bertuah.



Secara keseluruhannya, majlis ini berjalan lancar. Ketua Jabatan , En. Azhar bin Fikri, mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak jawatankuasa penganjuran majlis yang bekerja keras untuk memastikan majlis tersebut berlangsung dangan lancar. Pengurus jawatankuasa pula mengucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Apresiasi sesi 1 2023/2024 kali ini.





PROJEK BAKTI SISWA DAN ANAK ANGKAT JP PTSB

Oleh: NOR FARAHAIN DZULKAFLI

30 Nov – 2 Dis 2023 – Projek Bakti Siswa dan Anak Angkat Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah telah dianjurkan oleh Jabatan Perdagangan dengan kerjasama I-Care Kulim. Program selama 3 hari 2 malam ini diadakan di Batu Puteh, Kulim. Program ini melibatkan pelajar daripada Jabatan Perdagangan yang merangkumi seramai 40 orang pelajar lelaki dan perempuan terdiri daripada pelajar semester 2 hingga 5. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program tersebut adalah, senamrobik bersama penduduk, kembara kampung, gotong-royong, persembahan pelajar, promosi politeknik, motivasi sekolah dan diselitkan juga dengan aktiviti kerohanian seperti solat berjemaah bersama penduduk kampung.



Dengan adanya program seperti ini, ia akan dapat membantu dan membina sahsiah dan peribadi pelajar. Hal ini kerana, melalui program ini semua peserta dapat didedahkan kepada realiti dan susah payah kehidupan di kampung dan menimbulkan rasa kesedaran atas pengorabanan keluarga mereka. Program ini juga dapat memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai keperluan akademik dan pelajaran dalam kehidupan. Dalam masa yang sama, melalui penyertaan masyarakat setempat di dalam program anak angkat ini dapat mempromosi PTSB dalam kalangan masyarakat sekitar.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya menimbulkan keinsafan dan kesedaran atas pengorbanan keluarga, memupuk perasaan sayangkan keluarga, membina rasa tanggungjawab dan keperihatinan kepada keperluan masyarakat dan membina sifat kasih sayang, hormat-menghormati sesama rakan-rakan institusi dan masyarakat setempat.

LAWATAN PEMANTAPAN KOLABORASI PTSB BERSAMA G2R SDN. BHD

Oleh: MASBURAH MUSTAFFA

05 Disember 2023 - Lawatan Pemantapan Kolaborasi PTSB Bersama G2R Sdn. Bhd. telah diadakan bagi mendukung penglibatan dan kerjasama strategik bersama pihak industri melalui perkongsian kepakaran dan pengetahuan ke arah penambahbaikan Pendidikan TVET. Selaras dengan itu, PTSB amat berbesar hati kerana diberi peluang oleh pihak G2R Sdn. Bhd. untuk mengadakan lawatan akademik dan pemantapan kolaborasi di premis syarikat tersebut. G2R Sdn.Bhd. menawarkan perkhidmatan kepakaran dalam bidang rangkaian telekomunikasi (telecommunication network) dan merupakan antara syarikat yang terkemuka di Malaysia. Syarikat ini juga telah memeterai perjanjian kolaborasi secara rasmi bersama PTSB pada bulan Julai 2023 yang lalu.

Delegasi PTSB yang diketuai oleh Hj. Mohd Ruzi Hamzah, Pengarah PTSB disambut baik oleh En. Muhammad Hezri Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif, Pn. Syuhaidah Muhammad, Ketua Eksekutif Kewangan serta kakitangan G2R Sdn. Bhd. Lawatan ini merupakan rentetan daripada Program Sangkutan Industri Pensyarah (LSI) yang telah dihadiri oleh tiga orang pensyarah dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), PTSB iaitu En. Mohd Affendy bin Chi' Nong, Puan Masburah binti Mustaffa dan Puan Nur Hasni binti Marzuki. Dalam pertemuan ini, pihak G2R Sdn. Bhd. telah membuat perkongsian berkaitan kepakaran perkhidmatan yang ditawarkan serta amalan terbaik yang dilaksanakan oleh syarikat ini.



Lawatan dan perbincangan ini telah memberikan hasil yang sangat positif kepada kedua-dua belah pihak di mana masing-masing telah bersetuju untuk membuka peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan, perkongsian kepakaran, pembangunan pelajar serta program-program khidmat masyarakat yang dapat dijalankan bersama. Turut dibincangkan adalah peluang kepada G2R Sdn. Bhd. untuk menyertai program pengajian khas eksekutif untuk pembangunan modal insan kepada kakitangan mereka.

Pihak PTSB amat komited untuk terus mengorak langkah dan memanfaatkan kerjasama politeknik-industri ini dan semoga usaha ini dapat menyumbang impak yang besar kepada masyarakat dan negara.



CSR JPA ENGLISH FUN @ PTSB

Oleh: NORAINI SULAIMAN

7 Disember 2023 - *English Fun @ PTSB* adalah salah satu program yang dirancang oleh Jabatan Pengajian Am (JPA) untuk pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Junjung dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Pegang. Kedua-dua sekolah ini merupakan sekolah angkat kepada JPA. Sasaran penyertaan adalah pelajar tingkatan 4 dari kedua-dua sekolah berkenaan. Program ini merupakan program khidmat masyarakat JPA sekaligus juga merupakan aktiviti di bawah jawatankuasa kolaborasi JPA.

Melalui program ini, selain memperkasakan Bahasa Inggeris, program ini juga bertujuan mempromosi PTSB kepada para peserta program.

Peserta dibawa melawat sekitar PTSB dan ke bengkel COT PTSB dan Makmal Ukur sebagai pendedahan awal kepada mereka. Di samping itu hubungan di antara staf JPA PTSB dan sekolah angkat akan lebih erat lagi melalui program yang dilaksanakan

Secara keseluruhannya, harapan dari program yang dianjurkan ini dapat memberi pendedahan komunikasi asas sosial Bahasa Inggeris dengan lebih berkesan kepada peserta dan menyediakan platform untuk menggalakkan peserta menggunakan Bahasa Inggeris dengan lebih berdikari dan responsif. Di samping itu, dapat membantu para peserta untuk lebih meminati Bahasa Inggeris dan juga menarik minat mereka untuk menjadi pelajar PTSB selepas SPM nanti.





POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH
KULIM HI TECH PARK
09090, KULIM, KEDAH
www.ptsb.mypolycc.edu.my